



DATUK Shahrir Abdul Samad berucap merasmikan mesyuarat agung Umno cawangan Kampung Seri Malaysia. — Gambar Berita Harian.

Perkukuhkan Umno dengan perpaduan — Datuk Shahrir

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Perpaduan ahli-ahli Umno adalah 'senjata suli' untuk menjamin kestabilan parti dan menentang segala dugaan dari luar, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Abdul Samad, hari ini.

Beliau menasihatkan ahli-ahli Umno supaya mencontohi semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair bagi menjamin kestabilan parti.

Beliau sekali lagi mengingatkan mereka supaya sentiasa berusaha memupuk dan mengekalkan semangat perpaduan bagi mengukuhkan lagi kedudukan parti.

"Kalau dalam tahun 1946 mereka dapat menggagalkan Malayan Union dan kemudiannya dalam tahun 1957 dapat pula mencapai kemerdekaan hanya dengan semangat perpaduan dan azam yang kuat, tidak mustahil dengan perpaduan juga kita boleh mempertahankan parti dan pucuk pimpinan," ujarnya.

"Kita juga tidak harus melupakan bahawa pada masa itu keadaan kita adalah lemah dari segi segala-galanya dan berhasrat pula untuk menentang sebuah kuasa yang gagah, yang baru sahaja mengepak kemenangan dalam peperangan dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung Umno cawangan Kampung Seri Malaysia, di Sungai Besi, di sini petang ini.

Memakan masa

Oleh itu, kata Datuk Shahrir, adalah menjadi hasrat Umno untuk mewujudkan perpaduan antara golongan berpendapatan rendah dengan mereka yang berpendapatan tinggi kerana melalui perpaduan juga, segala matlamat akan mudah dicapai.

Mengenal setingan, beliau menegaskan, perpaduan dalam Umno sendiri telah berupaya mengubah pandangan masyarakat terhadap masyarakat setingan.

"Kalau dahulu masyarakat setingan dianggap sebagai satu keadaan yang mencemarkan bandaraya, tetapi nyata bahawa keadaan hidup mereka sekarang telah bertukar dan diakui penting dan yang sama seperti masyarakat lain," ujarnya.

Beliau mengingatkan mereka supaya bersabar dan sentiasa memegang kuat kepada pucuk pimpinan parti kerana perubahan-perubahan selanjutnya tentu sahaja memakan masa.

Datuk Shahrir juga memberi jaminan bahawa segala rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian akan turut memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah.

Beliau menegaskan lagi: "Kita tidak akan menjalankan rancangan-rancangan hanya untuk menjuga status bandaraya dengan mendirikan projek-projek

yang mahal-mahal dan bangunan yang mencakar langit serta memberi keuntungan kepada golongan tertentu sahaja."

Untuk itu, kementerian telah mengambil langkah pertama dengan menyerahkan projek aerobus yang menelan belanja berjuta-juta ringgit kepada sektor awasta untuk mengendalikannya.

"Keputusan yang dicapai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa orang menteri juga hanya memberi 10 peratus penyertaan pihak kerajaan dalam projek itu," tambahnya.